

PM sambut baik penilaian IMF kepada prestasi negara

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyambut baik penilaian Tabling Kewangan Antarabangsa (IMF) terhadap prestasi ekonomi Malaysia dengan menekankan keutamaan kerajaan tetap memastikan kestabilan ekonomi diuruskan secara bertanggungjawab.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan akan terus memastikan kestabilan ekonomi bukan sahaja diuruskan secara berhemat tetapi juga dirasai oleh rakyat melalui peluang pekerjaan yang selamat dan adil serta keyakinan berterusan pada masa depan.

“Kerajaan MADANI akan te-

rus mengurus kewangan awam secara berhemat dan mempercepat pembaharuan di bawah Rancangan Malaysia ke-13, supaya pertumbuhan yang kita bina benar-benar kukuh, berdaya tahan dan memberikan manfaat bermakna kepada semua rakyat Malaysia,” katanya dalam catatan di media sosial.

Kelmarin, Ketua Misi Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Masahiro Nozaki berkata Malaysia menunjukkan daya tahan ketara terhadap ketegangan perdagangan global dan ketidakpastian dasar dengan ekonomi berkembang pada kadar yang sihat tahun ini, disokong oleh penggunaan dan pelaburan domestik

kukuh, pertumbuhan pekerjaan stabil dan kitaran peningkatan sektor teknologi global.

“Prestasi kukuh ini sebahagiannya mencerminkan dasar ekonomi yang kukuh, pihak berkuasa telah mengekalkan dasar makroekonomi dan kewangan yang berhemat,” kata Nozaki selepas mengadakan perundingan dengan pihak berkuasa Malaysia dan pihak berkepentingan lain.

Daya tahan ekonomi Malaysia dijangka berterusan dalam jangka masa terdekat, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dengan kakitangan IMF mengunjurkan pertumbuhan akan berkurangan sedikit daripada

4.6 peratus pada 2025 kepada 4.3 peratus pada 2026, kebanyakannya mencerminkan kesan tarif Amerika Syarikat lebih tinggi ke atas negara.

Sementara itu Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata penilaian IMF terhadap prestasi ekonomi Malaysia mencerminkan pengurusan fiskal negara yang berhemat, permintaan domestik kukuh dan komitmen terhadap pembaharuan struktur di bawah rangka kerja Ekonomi MADANI.

Beliau berkata, pengiktirafan IMF terhadap Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 dan pelan tindakan kerajaan yang jelas untuk mengu-

rangkan defisit fiskal menggariskan disiplin fiskal Malaysia dan komitmen terhadap kestabilan jangka panjang dan pertumbuhan mampan.

“Dengan inflasi kekal rendah, ringgit muncul sebagai mata wang berprestasi terbaik, pelaburan asing yang diluluskan dalam paras tertinggi dan inisiatif berpandangan ke hadapan di bawah Rancangan Malaysia ke-13, negara berada pada kedudukan baik untuk mengharungi ketidakpastian global, pada masa sama memajukan pembangunan inklusif dan integrasi ASEAN secara lebih mendalam,” katanya dalam catatan di LinkedIn.

BERNAMA